



MALAYSIA

Warta Kerajaan
SERIPADUKABAGINDA
DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 64
No. 6

20hb Mac 2020

TAMBAHAN No. 34
PERUNDANGAN (A)

P.U. (A) 94.

**AKTA DUTI TIMBAL BALAS DAN ANTI-LAMBAKAN 1993
DAN AKTA KASTAM 1967**

PERINTAH KASTAM (DUTI ANTI-LAMBAKAN) (No. 2) 2020

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 25 Akta Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1993 [Akta 504] dan subseksyen 11(1) Akta Kastam 1967 [Akta 235], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan) (No. 2) 2020**.

(2) Perintah ini berkuat kuasa bagi tempoh lima tahun mulai 21 Mac 2020 hingga 20 Mac 2025.

Duti anti-lambakan

2. Duti anti-lambakan hendaklah dilevi terhadap dan dibayar oleh pengimport berkenaan dengan barang-barang yang dinyatakan dalam ruang (1) dan (2) Jadual yang dieksport dari negara yang dinyatakan dalam ruang (3) oleh pengeluar atau pengeksport yang dinyatakan dalam ruang (4) ke dalam Malaysia pada kadar yang dinyatakan dalam ruang (5).

Pembayaran duti anti-lambakan

3. Duti anti-lambakan yang kena dibayar di bawah Perintah ini hendaklah dibayar secara tunai.

Penjenisan barang-barang

4. (1) Penjenisan barang-barang yang dinyatakan dalam Jadual hendaklah mematuhi Rukun Tafsiran Am Sistem Berharmonis di bawah Konvensyen Antarabangsa Sistem Deskripsi Komoditi Harmonis dan Pengkodan dalam Perintah Duti Kastam 2017 [*P.U. (A) 5/2017*].

(2) Nombor kepala atau subkepala yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual diperuntukkan bagi kemudahan rujukan dan tidak mempunyai kesan mengikat terhadap penjenisan barang-barang yang diperihalkan dalam ruang (2).

Kesan terhadap duti import dan cukai jualan

5. Pengenaan duti anti-lambakan di bawah Perintah ini tidaklah menjejaskan pengenaan dan pemungutan—

(a) duti import di bawah Akta Kastam 1967; dan

(b) cukai jualan di bawah Akta Cukai Jualan 2018 [*Akta 806*].

JADUAL
[Perenggan 2]
DUTI ANTI-LAMBAKAN

(1)	(2)	(3)	(4)	(5)
Nombor Kepala/ Subkepala mengikut Kod H.S.	Perihalan Barang-Barang	Negara	Pengeluar/ Pengeksport	Kadar Duti [Peratusan (%) daripada Nilai Kos, Insurans dan Tambang (KIT)]
6811.82.20 00	<i>Cellulose fibre</i>	Republik	PT Etex	9.14%
6811.82.90 00	<i>reinforced cement flat dan pattern sheet dan secara khususnya mengecualikan external roofing</i>	Indonesia	Building Performance Indonesia Lain-lain	108.10%

Dibuat 19 Mac 2020

[SULIT KE.HT(96)669/12-249 Klt. 9 Sk. 1; MOF.TAX(S)700-4/1/184(29); PN(PU2)338D/III]

TENGGU DATO' SRI ZAFRUL BIN TENGGU ABDUL AZIZ
Menteri Kewangan

[Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 11(2) Akta Kastam 1967]

COUNTERVAILING AND ANTI-DUMPING DUTIES ACT 1993
AND CUSTOMS ACT 1967

CUSTOMS (ANTI-DUMPING DUTIES) (No. 2) ORDER 2020

IN exercise of the powers conferred by section 25 of the Countervailing and Anti-Dumping Duties Act 1993 [Act 504] and subsection 11(1) of the Customs Act 1967 [Act 235], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Customs (Anti-Dumping Duties) (No. 2) Order 2020**.

(2) This Order has effect for the period of five years from 21 March 2020 to 20 March 2025.

Anti-dumping duties

2. Anti-dumping duties shall be levied on and paid by the importers in respect of the goods specified in columns (1) and (2) of the Schedule exported from the country specified in column (3) by the producers or exporters specified in column (4) into Malaysia at the rates specified in column (5).

Payment of anti-dumping duties

3. The anti-dumping duties payable under this Order shall be paid in cash.

Classification of goods

4. (1) The classification of goods specified in the Schedule shall comply with the General Rules for the Interpretation of the Harmonized System under the International Convention on the Harmonized Commodity Description and Coding System in the Customs Duties Order 2017 [P.U. (A) 5/2017].

(2) The heading or subheading numbers specified in column (1) of the Schedule are provided for ease of reference and have no binding effect on the classification of goods described in column (2).

Effect on import duties and sales tax

5. The imposition of anti-dumping duties under this Order is without prejudice to the imposition and collection of—

(a) import duties under the Customs Act 1967; and

(b) sales tax under the Sales Tax Act 2018 [Act 806].

SCHEDULE

[Paragraph 2]

ANTI-DUMPING DUTIES

(1)	(2)	(3)	(4)	(5)
Heading/ Subheading Number according to H.S. Code	Description of Goods	Country	Producer/Exporter	Rate of duty [Percentage (%) of the Cost, Insurance and Freight (CIF) Value]
6811.82.20 00	Cellulose fibre	Republic	PT Etex Building	9.14%
6811.82.90 00	reinforced cement flat and pattern sheet and specifically excluding external roofing	of Indonesia	Performance Indonesia Others	108.10%

Made 19 March 2020

[SULIT KE.HT(96)669/12-249 Klt. 9 Sk. 1; MOF.TAX(S)700-4/1/184(29);
PN(PU2)338D/III]

TENGGU DATO' SRI ZAFRUL BIN TENGGU ABDUL AZIZ
Minister of Finance

*[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 11(2) of the
Customs Act 1967]*